



# Kontinjen negara cemerlang di AUG 2022

Daripada Syafiq Aznan di Ubon Ratchathani - Ogos 7, 2022 @ 10:24am  
syafiq.aznan@bh.com.my



Kontinjen negara pada acara penutup Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022 yang berlangsung di Stadium Universiti Ubon Ratchathani Rajabhat, semalam.

UBON RATCHATHANI: Prestasi dan pencapaian kontinjen negara di Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022 disifatkan cemerlang dengan rating 8.5/10 diberikan selepas membawa pulang 49 pingat emas, 83 pingat perak dan 50 gangsa pada edisi di Ubon Ratchathani, kali ini.

Pencapaian itu menyaksikan kontinjen negara 'memotong' sasaran yang diletakkan sebanyak dua kali - sasaran utama 35 pingat emas yang diletakkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebelum terus 'bernafsu' melengkapkan sasaran kedua sebanyak 45 pingat emas.

Kejayaan meraih 49 pingat emas itu juga meletakkan Malaysia di belakang juara bertahan, Thailand yang berjaya membolot 109 pingat emas dan dihadapan Indonesia yang berjaya meraih 43 pingat emas pada edisi kali ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kontinjen IPT Malaysia, Datuk Dr Pekan Ramli mengakui kejayaan kontinjen negara di AUG 2022 adalah satu kejutan dan di luar jangkaan memandangkan hampir kesemua atlet yang mewakili Malaysia membawa pulang pingat.

Jelasnya, enam jenis sukan iaitu olahraga, catur, badminton, wusyu, karate, taekwondo memperagakan aksi terbaik mereka untuk memacu kejayaan kem negara dengan masing-masing berjaya mengatasi 'tanda' yang ditetapkan.

"Ini satu kejayaan yang cemerlang selepas kita muncul juara di Laos pada tahun 2012. Kita berjaya mencapai sasaran 35 emas lebih awal dan kita cabar pihak pengurusan dan atlet untuk mendapatkan 45 emas pula.



Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kontinjen IPT Malaysia, Datuk Dr Pekan Ramli (berdiri, lima dari kanan) bersama wakil-wakil media Malaysia di Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2022.

"Akhirnya 45 pingat emas juga berjaya dicapai dan kita cuba kejar untuk sampai ke angka 50. Namun tidak berhasil menerusi dua acara akhir bola keranjang wanita dan lelaki yang berpuas hati dengan pingat perak apabila kedua-duanya tewas kepada Thailand.

"Enam sukan sangat cemerlang iaitu olahraga yang meraih 11 emas, catur (empat emas) dan badminton (empat emas). Dalam sukan tempur pula, kita turut berjaya

membuktikan penguasaan dengan masing-masing melepasi sasaran yang ditetapkan," kata Pekan.

Mengulas berkenaan sukan yang tampak kurang menyerlah di AUG 2022, Pekan berkata beberapa sukan gagal mencapai sasaran seperti memanah dan renang namun ia tidak boleh dianggap satu kegagalan.

"Skuad memanah membawa pulang empat pingat emas berbanding enam emas yang disasarkan, renang pula meraih enam emas walaupun sasaran sebanyak lapan emas. Pencapaian ini tidak mengecewakan dan kita masih kuat di pentas AUG untuk sukan ini.

"Ada juga dua acara sukan yang tidak berjaya bawa pulang pingat kali ini iaitu futsal dan juga wall climbing. Bagi futsal, kita perlu lihat program pembangunan secara menyeluruh kerana sukan ini juga gagal menyerlah di peringkat senior," katanya.

Sebagai rekod, pemenang pingat emas di AUG 2022 akan menerima RM3,000, RM1,500 untuk pingat perak dan RM750 untuk gangsa namun imbuhan berbeza diagihkan buat sukan berkumpulan.